

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VI)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

8. Apakah bentuk program dan bantuan untuk membantu para petani dan nelayan di Pulau Pinang meningkatkan pendapatan mereka?
- (a) Apakah ada teknologi terkini yang dihasilkan oleh Kerajaan Negeri atau anak syarikatnya untuk meningkatkan hasil produk golongan petani dan nelayan?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Terdapat pelbagai bantuan/insentif/program yang diberikan untuk membantu para petani dan nelayan di Pulau Pinang untuk meningkatkan pendapatan mereka. Pemberian bantuan/insentif/program bagi para petani dan nelayan adalah seperti berikut:
- (i) Jabatan Pertanian
- (1) Program Khidmat Pengembangan;
 - (2) Pembangunan Industri Tanaman Buah-Buahan;
 - (3) Pembangunan Industri Tanaman Sayur-Sayuran;
 - (4) Pembangunan Tanaman Kelapa;
 - (5) Pembangunan Tanaman Lain-Lain Ekonomi;

- (6) Pembangunan Pelapis Petani;
- (7) Program Khidmat Pengembangan;
- (8) Pembangunan Kelompok Tani;
- (9) Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan;
- (10) Program Aktiviti Jualan Terus; dan
- (11) Program Tabung Usahawan Tani.

(ii) Jabatan Perikanan

- (1) Program Pemberian Bantuan *Touch Point* (mesin dan peralatan penyelenggaraan enjin);
- (2) Program Bantuan Program Agropreneur Muda;
- (3) Program Bimbingan Dari Segi Penyediaan Kertas Kerja Untuk Permohonan Geran;
- (4) Penganjuran Kursus Dan Demo In-Situ Pembaikan Enjin Sangkut Dan Elektronik Pelayaran;
- (5) Kursus Pemprosesan Produk Berasaskan Surimi Dan Otoshimi; dan
- (6) Projek melabuhkan tukun tiruan pelbagai jenis dan pelbagai saiz (berat 0.3-32 tan metrik/unit tukun) di sekitar perairan Pulau Kendi.

(iii) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

- (1) Program Rezeki Tani sebanyak RM10,000.00 bagi seorang penerima;

- (2) Bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan sebanyak RM250.00 sebulan;
- (3) Insentif Hasil Tangkapan Ikan sebanyak RM0.10 perkilogram bagi ikan yang diisytiharkan;
- (4) Bantuan Subsidi Minyak Petrol dan Diesel dengan harga Petrol RM1.38 per liter dan Diesel sebanyak RM1.65 per liter;
- (5) Program Pasar Nelayan yang memberi peluang bagi para nelayan menjual sendiri hasil laut;
- (6) Program Khas Perumahan Nelayan iaitu sebanyak RM13,000.00 untuk bantuan baik pulih rumah; dan
- (7) Program Dana Nelayan yang merupakan pinjaman tanpa faedah sebanyak RM25,000.00 untuk seorang penerima.

Kerajaan Negeri turut melaksanakan pemberian Baucar Bantuan Nelayan Pesisir Pantai untuk membantu golongan nelayan khususnya nelayan pesisir pantai di mana mereka layak membeli peralatan dan perkakasan yang dibenarkan bernilai RM400.00 setahun.

Selain itu, petani dan nelayan juga boleh memohon pembiayaan dalam bentuk pinjaman mikro kredit di bawah Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang. Kemudahan pinjaman adalah sehingga RM6,000.00 kepada pemohon berumur 40 tahun dan ke bawah. Bagi pemohon yang berumur 40 tahun dan ke atas, kemudahan pinjaman adalah sehingga RM5,000.00 dengan tempoh bayaran balik selama dua (2) tahun. Manakala untuk pinjaman kali kedua (2) kadar faedah yang dikenakan ialah 8% setahun.

- (a) Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan penciptaan teknologi inovasi yang kreatif dan praktikal untuk meningkatkan hasil produk golongan petani dan nelayan melalui Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan seperti berikut:

(i) Jabatan Pertanian

- (1) Inovasi Pengasingan *Roselle* dan Sistem Penyejukan Rumah Cendawan Berkonsepkan *Evaporative* yang berupaya menjimatkan kos serta praktikal untuk kegunaan petani. Inovasi ini menerima emas dan perak dalam Anugerah Inovasi Pertanian Tahun 2019 anjuran Jabatan Pertanian Malaysia;
- (2) Inovasi Alat Pengisian Media Penanaman Fertigasi, Alat Penuai Padi Tanah Jerlus dan Alat Perangkap Koloni Kelulut yang mana kesemuanya menerima anugerah gangsa dalam Anugerah Inovasi Pertanian Tahun 2019;
- (3) Rancangan untuk memperkenalkan teknologi baharu melalui *Veggie Factory* yang merupakan inovasi kaedah penanaman sayur-sayuran secara tertutup menggunakan sistem pencahayaan yang mempunyai kelebihan seperti berikut:
 - Kurang risiko terhadap perubahan biotik dan abiotik persekitaran;
 - Mampu mengeluarkan hasil lebih cepat dan konsisten serta mampu menjamin kecukupan bekalan bahan makanan;
 - Hasil tanaman berkualiti premium dan bebas daripada penggunaan racun makhluk perosak; dan
 - Mampu mengoptimumkan penggunaan sumber air dan tanah. Sebagai contoh sumber air dapat diijimatkan antara 70-90% berbanding penggunaan kaedah konvensional.

Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan Jabatan Perikanan dan Institut Latihan Perindustrian di Kepala Batas, Seberang Perai Utara dalam memperkenalkan tong insulasi terkini (*Portable Ice Maker For Fish Storage Container Using Rechargeable Concept*) yang mana dapat menyimpan hasil tangkapan dan menjamin kesegaran.

(ii) Jabatan Perikanan

- (1) Memperkenalkan *Automatic Identification System* (AIS) dan telah diwajibkan kepada semua pengusaha bot Zon B. Sistem ini berkeupayaan untuk mengesan pergerakan vesel di laut dan dapat membantu pengusaha dan nelayan yang terlibat dengan sebarang kemalangan atau kecemasan di laut. Sistem ini dapat menjimatkan kos kerajaan untuk menjalankan aktiviti penguatkuasaan di laut, mengawal ketirisan subsidi bahan petrol dan diesel serta mengurangkan konflik antara nelayan komersial dan tradisional; dan
- (2) Inovasi tukun tiruan yang memainkan peranan yang amat penting dalam memulihara serta menambah pembiakan hasil laut. Jabatan Perikanan Negeri telah melabuhkan pelbagai jenis tukun di perairan Pulau Kendi seperti Tukun Dasar Lembut Penghalang Pukat Tunda dan Tukun Rekreasi.